

Punca keganasan perlu diselesaikan — Mahathir

KUALALUMPUR 7 Ogos — Akhbar hari ini melaporkan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, peristiwa pengeboman di Jakarta, Indonesia kelmarin memberi peringatan kepada semua pihak bahawa selagi punca keganasan tidak diselesaikan, kejadian seumpama itu akan terus berlaku.

Perdana Menteri berkata, langkah berjaga-jaga semata-mata tidak mampu memberi jaminan bahawa keganasan tidak akan berulang semula.

“Macam mana kita ambil langkah berjaga-jaga pun, berapa lama kita nak ambil langkah berjaga-jaga, suatu hari bila releksia (keganasan) jadi balik,” katanya.

Beliau menyatakan demikian pada sidang akhbar selepas majlis Taklimat Kemajuan Program Angkasa Kebangsaan di pejabat Astronautic Technology (M. Sdn. Bhd., di sini hari ini.

Dr. Mahathir mengulas kejadian letupan bom ke atas Hotel JW Marriott di Jakarta kelmarin yang mengakibatkan 16 orang termasuk pelancong asing terkorban manakala 150

Akhbar hari ini melaporkan Jemaah Islamiah (JI) mengaku bertanggung jawab dalam serangan bom itu dan memberikan ‘amaran berdarah’ untuk meneruskan kempen keganasan itu sekiranya Indonesia terus mengambil tindakan ke atas puak militan.

Sebelum ini JI yang dikatakan mempunyai rangkaian dengan kumpulan al-Qaeda didakwa terlibat dalam serangan bom di Bali.

Menurut Dr. Mahathir, Malaysia telah mengambil langkah memperketatkan keselamatan ekoran pengeboman tersebut bagi memastikan kejadian seumpama itu tidak berlaku di negara ini.

Malah, katanya, langkah seumpama itu diambil sebelum kejadian 11 September lagi, tetapi ini telah dikritik.

“Semua orang tahu kita telah ambil tindakan sebelum 11 September. Kita lebih awal lagi tahu semua perkara ini. Pada masa itu orang kata Malaysia zalim tangkap orang, tahan orang. Jadi sekarang ini mereka tahu nak pilih yang mana

baik born meletup dulu baru tangkap atau sebelum dia meletup kita tangkap,” katanya.

Bagaimanapun menurut Perdana Menteri, kejadian itu tidak menjejaskan Malaysia terutama dari segi pertumbuhan industri pelancongan kerana semua orang mengetahui bahawa negara ini lebih awal mengambil tindakan dalam membanteras keganasan.

Sementara itu ditanya adakah Amerika Syarikat (AS) perlu dipersalahkan kerana masih tidak mengubah dasarnya terhadap konflik di Asia Barat, Dr. Mahathir berkata, Malaysia tidak mahu menyalahkan AS kerana berlakunya siri keganasan seperti di Jakarta.

“Tetapi kita berpendapat bahawa pendekatan yang digunakan oleh AS tidak akan mengurangkan ancaman keganasan.

“Dan ini akan berterusan bertahun-tahun selagi masalah berhubung sebab-sebab keganasan tidak ditangani,” ujarnya.